

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

**SKW102 - Pengantar Antropologi-Sosiologi**

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Seksyen I** [100 markah]

Soalan Esei - Wajib.

1. (a) Bincangkan tiga paradigma sosiologikal yang utama. (30 markah)
  
- (b) Paradigma Sosiologi manakah yang paling sesuai untuk mengkaji gejala "HIV/AIDS" di kalangan penagih dadah di Pulau Pinang? Bincangkan. (40 markah)
  
- (c) Kaedah penyelidikan (metodologi) Sosiologi manakah yang paling sesuai untuk mengkaji gejala "HIV/AIDS" di kalangan penagih dadah di Pulau Pinang? Bincangkan. (30 markah)

Seksyen II [100 markah]

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

2. (a) Apakah itu proses sosialisasi? Bincangkan. (30 markah)
- (b) Apakah sumbangan George Herbert Mead, Charles Horton Cooley, Jean Piaget dan Sigmund Freud dalam perkembangan teori-teori personaliti? Bincangkan. (40 markah)
- (c) Apakah itu pemiliharaan (nurture) dan naluri (nature)? Bincangkan. (30 markah)
3. (a) Apakah itu perubahan sosial? Bincangkan. (20 markah)
- (b) Bincangkan jenis-jenis perubahan sosial (mikro dan makro). (30 markah)
- (c) Bincangkan model-model perubahan sosial (empat jenis). (50 markah)
4. (a) Beri definisi ras dan kelompok etnik. (10 markah)
- (b) Beri definisi prejudis dan diskriminasi. (10 markah)
- (c) Terdapat lima "dasar" majoriti terhadap golongan minoriti. Bincangkan. (40 markah)
- (d) Bincangkan tentang empat teori prejudis dalam perhubungan etnik/ras. (40 markah)

Seksyen III [100 markah)

Soalan jawapan ringkas. Pilih SEPULUH (10) sahaja.

5. Huraikan secara ringkas istilah dan konsep-konsep berikut (10 markah untuk setiap istilah/konsep) - jawab 10 konsep/istilah sahaja.
- (a) Kesan "Hawthorne"
  - (b) Kajian Eksperimen
  - (c) Interaksi Sosial
  - (d) Alienasi
  - (e) Anomi
  - (f) "Stigma"
  - (g) Institusi "Total"/Institusi Kawalan
  - (h) Pembunuhan Dari Altruistik
  - (i) Mobiliti Sosial
  - (j) Etnosentrisme
  - (k) Devian
  - (l) "Gemeinschaft"